PERADUAN MENGARANG TESTIMONI
"Health Builders & Saya"

**Hadiah Pertama**

*1 x Voucher Tunai bernilai*
**RM 300/-**

**PEMENANG PERTAMA**
**Mariam Abdul Ghani**



Nama Ahli : Mariam Abdul Ghani
No Ahli : PW 14623
Nama Bayi : Mohammad Anas B Azhar
No Tel : 013-904 2544

Pada 12/4/2008, kami sekeluarga menghabiskan waktu lapang di rumah. Lebih kurang pukul 5 petang, saya bercadang untuk menyediakan minum petang untuk seisi keluarga. Saya menggoreng keropok dan memanaskan sos. Selepas selesai menghidangkan keropok, saya mengisi sos yang baru mendidih ke dalam piring dan meletakkannya di atas meja. Tanpa disangka, anak saya yang berusia 11 bulan dan baru pandai berjalan bangun lalu mencapai piring sos tersebut. Ia menyebabkan semua sos panas di dalam piring tertumpah ke atas lengan dan badannya. Dia menggelupur kepanasan, lengan dan sebahagian dadanya menjadi kemerahan, serta-merta saya terus mencuci bahagian badan yang terkena sos.

Saya membawanya ke klinik, doktor memberi ubat minum dan krim untuk disapu. Selepas pulang ke rumah, masalah timbul apabila anak saya tidak mahu minum apabila diberi ubat. Lalu saya pun membancuh setengah peket Goji Soya dicampur susu dan diberi minum kepadanya setiap hari. Setelah beberapa hari saya membuat pemerhatian, saya dapati luka melecur anak saya tidak seperti luka melecur biasa. Ia sentiasa merah dan tiada tanda hitam. Selepas 12 hari luka melecur itu baik sepenuhnya tanpa parut hitam. Saya bersyukur kerana sos yang tertumpah itu tidak terkena bahagian mukanya.

Alhamdulillah, syukur kepada Allah, terima kasih kepada HEALTH BUILDERS kerana telah memperkenalkan produk GOJI kepada kami.


Hari 3


Hari 4


Hari 7


Hari 10


Hari 1




Hari 2




Hari 13

# PRODUK BARU

**Apa itu PCO ~**

*PCO ialah photo catalytic oxidation dan ia merupakan teknologi tercanggih untuk menghapus bakteria dan virus.*

NANO HB PCO



## TUALA MUKA / TANGAN

- Anti-bakteria, tiada bau dan berkesan walau tanpa sumber cahaya
- Membersih kulit sambil membunuh kuman
- Membantu mengurangkan jerawat
- Boleh digunakan untuk merawat luka kecil
- Membantu melegakan ruam dan rasa gatal
- Diperbuat daripada 100% kain kapas, ia boleh digunakan sehingga 100 kali cucian



NANO HB PCO
WATERBEAM

- Membunuh bakteria, virus dan lain-lain mikroorganisma yang bahaya dalam air minuman anda secara semulajadi tanpa menggunakan sebarang bahan pembasmi kuman dan bahan-bahan kimia yang berbahaya
- 206% lebih kuat daripada klorin
- 157% lebih kuat daripada hydrogen peroxide
- Energy Field atau kehebatannya menyamai 10,000 kali CAHAYA MATAHARI
- Ia boleh diguna secara efektif selama 2 tahun
- Ia juga memperkayakan kandungan magnesium
- Ia memastikan anda mendapat air minuman yang selamat di rumah dan semasa anda mengembara

## PESAN P.R. NIK



Perjumpaan mingguan setiap hari Selasa bermula jam 9.00 malam kini diteruskan semula selepas cuti Aidilfitri. Tujuannya ialah untuk mendedahkan kepada para pengedar mengenai produk dan pelan pemasaran. Sesi motivasi, yang diharap dapat dijadikan teladan, juga diadakan. Penasihat Pemakanan Health Builders, Dr A. Nathan Ganapathi, akan memberi penerangan mengenai produk-produk edaran Health Builders dan tentang aspek-aspek kesihatan. Leaders yang hadir dijemput untuk memberi motivasi kepada ahli-ahli dan prospek. Mereka yang hadir juga disaran untuk tampil dan memberi testimoni. Perjumpaan ini merupakan satu gelanggang di mana banyak faedah didapati dan pengetahuan, diiperolehi. Semua pengedar dijemput hadir. Meriahkan perjumpaan ini, yang sekaligus dapat membantu kembangkan perniagaan anda. Jangan lepaskan peluang untuk menimba pelbagai ilmu yang sangat bernilai, terutama dalam bidang industri jualan langsung. Setiap minggu, berlainan tajuk akan diutarakan. Ayuh, pastikan anda tidak ketinggalan!

***"Bersama Mencipta Kecemerlangan"***

## GEMA KEHIDUPAN

SUDUT MOTIVASI

Seorang budak dan bapanya sedang berjalan di atas banjaran gunung. Tiba-tiba dia terjatuh, tercedera dan menjerit, "Ahhhhhhhhhhh!!!"

"Ahhhhhhh!!!!!!" terkejut, dia terdengar suaranya berulang di celah-celah gunung.

Ingin tahu, dia berteriak, "Awak siapa?"

Jawapan yang diterima, "Awak siapa?"

Marah dengan jawapan yang diterima, dia menjerit, "Pengecut!"

Jawapan yang terima, "Pengecut!"

Dia beralih kepada bapanya dan bertanya, "Apa ni?"

Bapanya senyum dan berkata, "Anakku, sila beri perhatian."

Beliau kemudian memekik, "Saya kagumi awak!"

Suara menjawab, "Saya kagumi awak!"

Sekali lagi bapanya menjerit, "Awak seorang juara!"

Suara menjawab, "Awak seorang juara!"

Anaknya terkejut, tetapi masih tidak faham.

Kemudian bapanya menjelaskan:

"Kita panggil ini GEMA. Tapi sebenarnya ialah NYAWA. Ia beri kita semua yang kita cakap atau lakukan. Kehidupan kita mencerminkan tindakan kita.

Jika anda ingin dicintai di dalam dunia, wujudkan lebih banyak sifat cinta dalam diri anda. Jika anda ingin kecekapan dalam kumpulan anda, perbaiki kecekapan anda. Perhubungan ini tertakluk kepada semua, dalam semua aspek kehidupan; kehidupan akan memberi anda semua yang telah anda berikan.

**PERHATIAN!!!**

Leaders dan Pengedar yang ingin membuat promosi /publisiti dan mengguna logo Health Builders (M) Sdn Bhd perlulah terlebih dahulu memohon kebenaran dari pihak Syarikat. Ini termasuk poster, testimoni, artikel untuk laman web dan sebarang bentuk komunikasi.

HEALTH BUILDERS (M) SDN BHD
(448364-A)
(AJL 931076)
6-2 & 6-3, Block A, Jalan 2/114,Kuchai Business Centre,
Jalan Kuchai Lama, 58200 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel : 03-7984 7044 Faks : 03-7984 6850 Emel : hbsb@streamyx.com

INFOTiF
HEALTH BUILDERS
Risalah bulanan terkini
Oktober 2008

# ULANGTAHUN KE-10
## HEALTH BUILDERS (M) SDN BHD

**Grand Ballroom, Summit Hotel, Subang Jaya. 2.30 ptg, 23 Nov 08 (Ahad)**

## Kemeriahan Kini Terasa

*1 dekad... 1 tekad*

Debaran untuk meraikan hari yang istimewa ini kian memuncak. Persiapan untuk menjayakan satu majlis yang hebat sedang giat diatur. Segala-galanya sedang berjalan dengan rancak. Pihak Penganjur sedang bertungkus lumus untuk memastikan semua berjalan dengan baik dan lancar.

Hari Ulangtahun ke-10 Health Builders ini merupakan satu hari yang sungguh bersejarah buat Syarikat dan mereka yang bersamanya.

Selain penganugerahan dan pengiktirafan pin kepada 6 dan 5-Star Manager baru, majlis akan dipenuhi dengan jamuan hi-tea, persembahan istimewa, lawak jenaka, artis jemputan, cabutan bertuah, kuiz dan pengenalan produk baru.



*bersambung di dalam...*

## Buka Puasa Bersama Anak Yatim



Pada 22 September 2008, satu majlis berbuka puasa bersama anak-anak yatim Asrama Baitul Ummah (ABU) telah diadakan di Kelab Golf Polis DiRaja Malaysia, Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur.

Seramai 45 orang anak yatim yang berumur diantara 9 hingga 15 tahun menghadiri majlis tersebut. Turut bersama ialah tiga petugas ABU, yang juga bertindak sebagai juruiring.

Pengarah Eksekutif **Health Builders (M) Sdn Bhd**, Tengku Ariez Hazaril Bin Tengku Abdul Halim dan hampir semua staf, turut serta.

*bersambung di dalam...*

## HARGA PROMOSI

| No. Stok | Barangan | Kandungan | PV USD | DP(RM) | CP(RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| **SEMENANJUNG MALAYSIA** | | | | | |
| SKING-P | PCO Stoking | 1 pasang | 2.37 | 20.00 | 25.00 |
| SMILK-P | LAURICA Shower Milk | 450 ml | 1.33 | 16.00 | 20.00 |
| HANDC-P | LAURICA Hand Clean | 500 ml | 1.00 | 10.00 | 12.50 |
| WBEAM | PCO Waterbean | - | 19.00 | 152.00 | 182.00 |
| **MALAYSIA TIMUR** | | | | | |
| SKING-P | PCO Stoking | 1 pasang | 2.37 | 22.00 | 27.00 |
| SMILK-P | LAURICA Shower Milk | 450 ml | 1.33 | 21.00 | 25.00 |
| HANDC-P | LAURICA Hand Clean | 500 ml | 1.00 | 15.00 | 17.50 |
| WBEAM | PCO Waterbean | - | 19.00 | 155.80 | 186.00 |



# Satu tarikh keramat, satu hari hebat, satu petang yang pasti gamat

*... dari muka depan*

Yang Berhormat Mulia, Tengku Laksamana Kelantan merangkap Pengerusi **Health Builders (M) Sdn Bhd**, Tengku Abdul Halim Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Ibrahim dan Tengku Puan Laksamana Kelantan, Yang Amat Mulia Dato' Seri DiRaja Sharifah Azwan Putra Jamallulail dijangka hadir.

Menurut Ketua Jawatankuasa Sambutan Khas, Encik Idriz Aziz, majlis ulangtahun ke-10 Health Builders ini merupakan satu majlis yang sungguh bermakna.

"Selama 1 dekad, inilah julung-julung kalinya, Syarikat dapat menghoskan satu majlis yang besar, khususnya untuk warga Health Builders.

"Tidak kiralah samada mereka Leaders, stokis, center ataupun ahli, inilah hari untuk kita meraikan bersama. Inilah masa dan ketika di mana mereka dapat berkumpul, berhibur dan bertemu dengan semua warga termasuk staf Health Builders.

"Hari tersebut adalah hari untuk bersantai di mana, selain jamuan yang menghidangkan pelbagai masakan Melayu, banyak acara menarik disediakan.

"Dan untuk makluman, bayaran untuk masuk adalah menerusi belian tiket iaitu RM10 untuk setiap seorang," jelas beliau.

Tetamu yang hadir akan berpeluang untuk memenangi pelbagai hadiah istimewa. Selain cabutan bertuah, sesi kuiz juga akan memberikan hadiah-hadiah berupa produk Syarikat.

Ayuh, dapatkan tiket-tiket anda dengan segera. Penjualan tiket sedang rancak dijalankan. Tiket-tiket boleh didapati dari Bangunan Korporat / Ibu Pejabat Health Builders.




TIKET-TIKET HAMPIR HABIS DIJUAL!!!
CEPAT DAPATKAN TIKET ANDA!









# Majlis Berbuka Puasa




*... dari muka depan*

Suasana mesra jelas terbayang apabila staf mula bertemu dengan penghuni asrama, yang semuanya datang dengan pakaian berwarna-warni. Yang lelaki berbaju Melayu dan bersongkok, yang perempuan berbaju kurung. Tampak segak dan ayu; sungguh menyerikan petang tersebut!

Bagi staf, ada yang mengganggap anak-anak ini sebagai adik ataupun anak saudara. Sambil mendekati dan bergaul mesra, mereka bertanya dan mengajukan beberapa soalan yang kadangkala membuatkan anak-anak ini tersenyum riang.

Walaupun anak-anak ini telah 'dirampas' kasih sayang di peringkat usia yang muda, kehadiran staf Health Builders telah membuktikan yang mereka masih diingati. Frasa "Masih ada yang sayang" amat sesuai dengan situasi ini.

Sebelum berbuka, hampir semua staf telah bersama 'turun padang' untuk membantu anak-anak ini mengambil makanan. Pelbagai jenis masakan, minuman, buah-buahan, kuih muih serta 'buah kurma' disediakan untuk majlis ini.

Ada staf kelihatan menceduk nasi atau mi untuk anak-anak ini. Ada yang mengambilkan lauk pauk pilihan sikecil. Disamping itu, ada yang turut mengisi gelas anak-anak ini dengan minuman kegemaran mereka.

Mengagumkan melihat suasana yang julung-julung kali diadakan. Inilah berkat bulan Ramadan Al-Mubarak yang sungguh mulia ini.

Wakil INFOTiF dapat melihat dengan jelas wajah-wajah ceria anak-anak ini, yang makan dengan penuh sopan sejurus laungan azan kedengaran.

Sebelum majlis berakhir, anak-anak ini telah diberi 'duit raya'. Wakil **Health Builders (M) Sdn Bhd**, Puan Mazliza Man telah menyampaikannya bagi pihak Syarikat.

Staf juga tidak melepaskan peluang untuk bergambar bersama anak-anak ini berserta juruiring mereka.

Asrama Baitul Ummah menempatkan seramai 50 orang kanak-kanak yang berumur diantara 4 hingga 15 tahun. Penghuninya termasuk anak-anak yatim, fakir miskin dan muallaf. Diasaskan oleh Ustaz Abd Rahman Ramani Abdullah, ABU terletak di Taman Setapak Indah, Kuala Lumpur.









*INFOTiF mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak ABU diatas kesudian menerima jemputan kami, terutamanya di malam 10 terakhir Ramadan.*

## Bersama anak-anak yatim Temoh, Perak

Satu majlis berbuka puasa bersama 50 orang anak yatim juga telah diadakan di Temoh, Perak pada 22 September 2008. 6-Star Manager Encik Tajudin Bin Supaat bersama Encik Mohamad Zaizul dan Encik Jasman dari Johor hadir di majlis tersebut. Turut bersama ialah 6-Star Manager Encik Shaidi Bin Mohd Noh dan 6-Star Manager Puan Azimah Alias dari Kuala Lumpur serta Encik Ahmad Rashid dari Teluk Intan, Perak.

Syarikat Health Builders turut memberi sumbangan berbentuk 'duit raya' untuk majlis tersebut. Sumbangan telah diwakilkan kepada dan disampaikan oleh Encik Tajudin. Sumbangan peribadi juga telah disampaikan oleh Encik Shaidi, Puan Azimah dan Encik Ahmad. Majlis dipenuhi dengan acara doa selamat dan bacaan tahlil.









## ......Bersama Staf

**Pada 15 September 2008, Syarikat telah mengadakan satu majlis berbuka puasa di Summit Hotel, Subang Jaya, Selangor.**

Majlis telah dihadiri oleh Tengku Ariez Hazaril Bin Tengku Abdul Halim, Pengarah Eksekutif **Health Builders (M) Sdn Bhd**, Encik Kennedy Tan Ban Kiat, Pengarah Urusan **Health Builders (M) Sdn Bhd** dan isteri serta staf **Health Builders (M) Sdn Bhd**.





## 6 Star manager

ABDUL WADUD KHAN BIN ABDUL GHAFUR KHAN
ABDUL JALIL BIN MOHD SAID
ABDUL RASHID BIN HASAN
ABDUL RONI BIN ISMAIL
AMIR BIN HAMZAH
AWANG BINTING PENGIRAN MAT SALLEH
AZIMAH BINTI ALIAS
BADRY SHAH BIN YATIM
EZMA FATIN B MOHAMAD AL-KHIRI SOFRI
JAMALLUDIN BIN BIDIN
JAMALUDIN BIN ABU BAKAR @ MAHMUD
JULAIHA BTE HJ. TAHAT
LEONG CHIA YEE
LOKMAN BIN ABDUL
MARIYATI BINTI HASAN
MAT JUSOH BIN AWANG
MD SHAIDI MD NOH
MD ZAKI BIN NORDIN
MOHAMAD BIN ABD RAOF
MOHAMAD KAWAID NGADIMIN
MOHD ALKHIRI SOFRI BIN ABDUL HAMID
MOHD RAHIMI BIN MOHD NOOR
MUHAMAD RASHID BIN ASRI
MOHD YUSOFF BIN ISHAK@HASSAN
MUHAMMAD NAWAWI BIN MOHD RADZI
MUIZUDDIN BIN ZAKARRIA
NAGOOR BIN MUSAFAR
NOR FAEZAH BT SULAIMAN
RAZALI BIN ISMAIL
SHARIFAH BT ARSHAD
TAJUDIN B HJ SUPAAT
WONG KWOK WAH
YAHYA BIN KAMARUDIN
ZULKIFLY BIN YAACOB

## 5 Star manager

- A.ABDUL RAHIM BIN AHAMED
- ABDULLAH BIN DRAMAN
- AHMAD BIN HAMID
- AKMAHARIS BIN KASIM
- DOLMAT B MD SAID
- EDRECCA ENTERPRISE
- ERNIE DIANA BINTI BAHARI
- FAUZIAH BINTI MUSA
- HABIBAH BT MOHD YUSOFF
- JAAFRI BIN NANYAN
- KAMARUZAMAN BIN MOHD RAZALI
- KASPULLIDZAN BIN AL- AUZAR BOESRI
- KHALIJAH BT HASHIM
- LEE KET SOON @ LEE FOOK WAH
- LIEW SIK BOON
- MD YASIN B BADRI
- MEOR ZAINI BASIR
- MOHAMAD KOMARUDDIN BIN AHMAD
- MOHD AMIR BIN SAWAT
- MUHAMAD IZWAN BIN MUHAMAD DAUD
- MOHD NASER @ AMIR ABDULLAH
- MOHD NOOR BIN ABD MANAP
- MOHD ZAHIR BIN MANSOR
- MOKHTAR B HUSAIN
- NIK AZMAN BIN NIK ABDULLAH
- OTHMAN B YAHYA
- RADZI BIN ISMAIL
- ROSLINAH BTE YAKUB
- SEMATANG JAYA TRADING
- SETI ZAWIYAH BT ISHAK
- SHAMSAIMON BIN GHAZALI
- SUHAINI BT RAMELI
- SUHANA BT TAMAN
- TOHID BIN OTHMAN
- WMK RESOURCES
- ZAKARIA BIN ABDUL RASID
- ZULKARNAINI BIN GHAZALI